



KENYATAAN MEDIA

SIJIL HALAL SAHAJA TIDAK MEMADAI -KE ARAH STATUS 'MUSLIM FRIENDLY ORGANIZATION' (MFO)

Tidak dapat dinafikan pengguna Islam adalah merupakan penyumbang terbesar terhadap sektor runcit, akan tetapi pengusaha Islam di dalam penyediaan makanan Halal terus tertinggal di belakang pengusaha bukan Islam.

PPIM akan terus berjuang untuk mewujudkan lebih banyak pengusaha Islam yang berjaya meraih sokongan dari pengguna Islam melalui berbagai-bagai program yang telah, sedang dan akan terus dilaksanakan sehingga produk Halal oleh orang Islam menjadi pilihan utama mereka.

Disamping itu, PPIM juga menyambut baik kewujudan organisasi-organisasi yang tampil sebagai organisasi yang boleh kami anggap sebagai Muslim Friendly Organization (MFO).

Organisasi-organisasi ini menyedari hakikat bahawa sokongan yang mereka perolehi dalam pasaran adalah sebahagian besarnya dari umat Islam seluruh negara. Dalam merintis untuk menjadi MFO, organisasi-organisasi telah memahami secara mendalam akan kehendak masyarakat Islam yang sebenarnya.

Pengguna Islam kini sudah menjadi semakin bijak dan sering membuat penyelidikan melalui kaedah mereka sendiri terhadap produk-produk yang mereka perolehi dari pasaran. Mereka telah mempersoalkan perkara-perkara lebih yang menjangkau pensijilan Halal. Mereka telah mempersoalkan pemilikan dan komposisi kakitangan serta kebajikan pekerja Islam yang bekerja di firma-firma ini dan lain-lain lagi.

Gardenia Bakeries KL Sdn. Bhd (GBKL) adalah salah sebuah syarikat yang boleh dianggap sebagai MFO. GBKL telah muncul sebagai syarikat pertama pengeluar barangan pengguna yang diiktiraf mematuhi set piawaian Islam ISI 2020 pada 8hb September 2005.

Di bawah sistem pensijilan ISI 2020, sesebuah organisasi mestilah mematuhi set garis panduan yang berasaskan prinsip-prinsip syariah yang mencakupi penghayatan kepercayaan agama oleh individu-individu di dalam organisasi tersebut, yang juga selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara, pengurusan, pematuhan set standard makanan Halal MS1500:2004 untuk produk-produknya, sistem perbankan Islam dan kaedah perlindungan Takaful.

Mereka juga telah membuka seluas-luas peluang untuk para pembekal barangan dan perkhidmatan Islam Bumiputera untuk menawarkan produk dan khidmatnya kepada GBKL.

PPIM mendapati GBKL amat mengambil berat terhadap kebajikan kakitangannya terutamanya yang beragama Islam. Kakitangan Islam diberikan kebebasan untuk mengamalkan agamanya tanpa terganggu dan pihak pengurusan faham akan hukum serta sensitiviti pekerja Islam. Mereka telah berusaha dengan gigih untuk memastikan semua pekerja Islam tidak pernah merasa terganggu aqidah dan amalannya sepanjang masa mereka berkhidmat di syarikat ini.

Pihak pengurusan telah berjaya memastikan bahawa setiap kakitangan menjaga kebersihan secara optima dan membatasi setiap ruang yang berpotensi mengugut kebersihan dan keselamatan produk-produknya.

GBKL telah mengambil inisiatif dan berusaha sendiri bukan sahaja mematuhi kehendak pensijilan Halal malah ia telah melangkah lebih jauh untuk mematuhi keseluruhan sistem universal yang berasaskan syariah dan mematuhi dan menghayati prinsip Dasar Pengguna Negara.

Datuk Dr. Ma'amor Osman
Setiausaha Agung
Persatuan Pengguna Islam Malaysia